




MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

(www.mbpp.gov.my)

SEBUTHARGA

TANAH MBPP UNTUK DISEWA

LOT 4792, SEKSYEN 5, BANDAR GEORGE TOWN,
DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG



KEGUNAAN	KOMERSIAL (TEMPAT LETAK KERETA)
LOKASI	LOT 4792, SEKSYEN 5, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG (LINTANG DELIMA 14)
KELUASAN	4,359 KAKI PERSEGI
HARGA REZAB	RM1,000.00 SEBULAN
TARIKH TUTUP	13 MEI 2024
MASA	11.00 PAGI

Bagi sesiapa yang berminat untuk menyewa tanah MBPP di atas, sila hubungi pegawai-pegawai berikut untuk borang permohonan dan maklumat lanjut :-

Encik Suhaimi Bin Ahmad/Puan Siti Salasiah Binti Awang/Puan Sabrina Binti Sayad Mohamed Bohari
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Bahagian Pengurusan Harta
Tingkat 12, Komtar
10675 Pulau Pinang
Tel : 04-2592262/2690012 / 2592003

SEBUTHARGA

PENYEWAAN TANAH MILIKAN MBPP LOT 4792, SEKSYEN 5, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai tanah kosong untuk disewakan di atas tanah milikan MBPP Lot 4792, Seksyen 5, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida penyewaan tanah kosong tersebut bagi tujuan komersial (tempat letak kereta).

2. SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh sewaan : 3 tahun sahaja;
- ii. Jenis penggunaan : Komersial ;
- iii. Aktiviti : Tempat letak kereta;
- iv. Keluasan tapak : 4,359 kaki persegi;
- v. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan kadar sewa ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MBPP;
- vi. Penyewaan adalah berdasarkan kepada 'as is where is basis' dan segala kerja-kerja penyediaan tapak dan penyelenggaraan akan ditanggung oleh penyewa sendiri;
- vii. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini ialah RM1,000.00.

3. SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula bidaan : 29 April 2024 (Isnin)
- iii. Tarikh tutup bidaan : 13 Mei 2024 (Isnin)
pada jam 11.00 tengahari.

- iv. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk cek jurubank (*banker cheque*) dengan amaun yang bersamaan dengan 3 bulan sewaan.
- v. **Pembida juga perlu mengemukakan kertas cadangan penggunaan tapak yang lengkap termasuk kadar bayaran maksima untuk tempat letak kereta (kadar bayaran setiap jam, kadar bayaran setiap hari atau lain-lain kadar yang berkaitan)**
- vi. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MBPP, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MBPP.
- vii. Pembida yang berminat boleh memperolehi Borang Permohonan di
 - a) Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Pulau Pinang mulai 29 April 2024 (Isnin) bermula jam 8.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang.
 - b) Laman web MBPP (www.mbpp.gov.my)
 - c) Email kepada suhaimi@mbpp.gov.my atau ctsalasiah@mbpp.gov.my atau penilaian@mbpp.gov.my
- viii. **Borang Bidaan** yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan dan **Kertas Cadangan Tapak** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan 'Sebutharga Untuk Penyewaan Tanah Milikan Majlis Di Atas Lot 4792, Seksyen 5, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- ix. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Pulau Pinang pada 13 Mei 2024 (Isnin), **sebelum atau pada Jam 11.00 Pagi.**
- x. MBPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- xi. Keputusan pihak MBPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.
- xii. MBPP tidak terikat untuk menerima tawaran sewa yang tertinggi.

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

**TANAH MILIKAN MAJLIS LOT 4792, SEKSYEN 5, BANDAR GEORGE TOWN,
DAERAH TIMIUR, LAUT, PULAU PINANG**

Syarat-syarat Penyewaan

1. Tapak berkenaan akan digunakan untuk tujuan komersial (tempat letak kereta);
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun sahaja;
3. Menandatangani surat Akuan Setuju Terima;
4. Menandatangani serta menyetem surat perjanjian penyewaan tanah;
5. Tapak disewakan dalam keadaan sedia ada;
6. Penyewa perlu mematuhi segala kehendak undang-undang/garis panduan daripada Pihak Berkuasa berkaitan, Penyewa tidak dibenarkan menjalankan aktiviti selain daripada yang ditawarkan dan tidak dibenarkan membuat sebarang binaan struktur di atas tapak tersebut kecuali mendapat kebenaran daripada MBPP terlebih dahulu;
7. Segala penyambungan bekalan elektrik dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MBPP.
8. Penyewa dikehendaki mengambil polisi Insuran Liabiliti Awam yang melindungi MBPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku dan Insuran Kebakaran (jika berkaitan);
9. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan tapak dalam keadaan asal dengan persetujuan MBPP.
10. Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan tapak dan sekitarnya, menjaga ketenteraman awam, kesesakan lalu lintas dan apa-apa berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan tanpa mengenakan sebarang tuntutan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
11. Penyewa bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang pencerobohan di tapak ini;

12. MBPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan tanah sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MBPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi;
13. Penyewa perlu menyerahkan tanah Majlis dengan pemilikan kosong sekiranya Majlis memerlukan tanah berkenaan tanpa sebarang bayaran pampasan atau ganti rugi.

BORANG BIDAAN

SEBUTHARGA PENYEWAAN TANAH MILIKAN MBPP LOT 4792, SEKSYEN 5, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Saya _____ (Nama dalam huruf
besar)

bagi pihak Individu/Syarikat _____
(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewa tanah milikan MBPP di atas Lot 4792, Seksyen 5, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan sebulan dan untuk tujuan komersial (tempat letak kereta):-

Kadar Sewa : _____
Ringgit Malaysia _____
(RM _____).

Dilampirkan bersama-sama ini cek jurubank (*banker cheque*) bertarikh _____ dan bernombor _____ bernilai RM _____ sebagai bayaran bidaan (bersamaan 3 bulan kadar sewaan) kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tandatangan : _____

Nama : _____
(Huruf Besar)

No. K.P : _____

Jawatan dalam Syarikat : _____

Nama Syarikat : _____

No. Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat Berdaftar Syarikat : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

(Sekiranya berlainan _____

Dengan Alamat di atas) _____

No. Telefon : _____ No. Fax : _____

Tarikh : _____

Disah Terima:

b.p Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Pulau Pinang